

Idea rejim kewangan Dr. M dapat perhatian

Oleh
NAZARUDIN SHAHARI

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Idea bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai ekonomi terutamanya rejim kewangan dunia kini telah mendapat perhatian yang serius di Eropah.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, terdapat beberapa siri perbincangan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Eropah yang cenderung kepada idea yang dilon-tarkan oleh Dr. Mahathir.



DR. NORDIN KARDI

Beliau berkata, perkembangan itu adalah sesuatu yang agak menge-

jutkan kerana ia boleh mencabar rejim kewangan sedia ada yang pada pandangan Dr. Mahathir perlu diperbetulkan daripada manipulasi pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Realitinya, beberapa NGO telah berkumpul untuk membincangkan idea-idea yang pernah dilon-tarkan oleh Dr. Mahathir dan ini boleh mencabar rejim kewangan sedia ada," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menutup Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir

Mohamad (IPDM) yang telah berlangsung selama tiga hari.

Nordin berkata, umum mengetahui bagaimana Dr. Mahathir menggesa rejim kewangan dunia diperbetulkan dengan tidak membenarkan mata wang diniagakan.

Sebaliknya, kata beliau, mata wang perlu mempunyai nilai yang sebenar dengan menyandarkan kepada sesuatu seperti emas.

Tambahnya, kaedah itu mampu mengelakkan mana-mana mata wang daripada dipermainkan oleh penyangak yang hanya memikirkan keuntungan.

"Saya menyebut mengenai perkara ini bagi menyedarkan kita semua bahawa idea pemimpin kita yang pernah dipandang remeh kini telah membuka mata dunia," katanya.

Menurutnya, beliau berpuas hati dengan persidangan yang julung kali diadakan itu bertujuan mengupas pemikiran bekas Perdana Menteri itu.

"Daripada situ, kita menimba ilmu untuk merangka gerak kerja baru yang boleh diperkenalkan berdasarkan kepada pengalaman Dr. Mahathir," ujarnya.